



## KENYATAAN MEDIA

### **PERTUKARAN KESEMUA PASUKAN UNIFIL TERMASUK PASUKAN MALBATT 850-11 YANG BEROPERASI DI SELATAN LUBNAN**

1. Kementerian Pertahanan ingin memaklumkan bahawa Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui Markas Angkatan Bersama (MK AB) telah menerima pemakluman bahawa *Force Commander (FC)* Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNIFIL) telah menetapkan satu tarikh pertukaran kesemua pasukan UNIFIL termasuk pasukan MALBATT 850-11 yang beroperasi di Selatan Lubnan.
2. Sehubungan itu, rancangan pertukaran pasukan MALBATT 850-11 dengan MALBATT 850-12 telah ditetapkan seperti berikut:
  - 2.1 Penghantaran pasukan MALBATT 850-12 secara berperingkat dari 6 November 2024 hingga 18 November 2024; dan
  - 2.2 Penerimaan pasukan MALBATT 850-11 secara berperingkat dari 7 November 2024 hingga 19 November 2024.
3. Pasukan MALBATT 850-12 akan meneruskan tugas dan tanggungjawab Pasukan MALBATT 850-11 di bawah panji-panji dan mandat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagaimana protokol dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Pasukan UNIFIL.
4. Kementerian Pertahanan mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menjalankan tugas kepada pasukan MALBATT 850-12 dan sekalung penghargaan buat pasukan MALBATT 850-11 yang telah menggalas tugas dengan cemerlang sepanjang berada di kawasan tanggungjawab.

5. Semoga pasukan MALBATT 850-12 dapat terus melaksanakan tugas dengan cemerlang sebagaimana pasukan MALBATT 850-11 sebelum ini. Doa dan sokongan seluruh rakyat Malaysia mengiringi mereka dalam melaksanakan amanah yang diberikan.

**DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN**

**MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA**

**30 OKTOBER 2024**